

15 NOV 1996

Samy-Swasta

SYARIKAT USAHASAMA BUMIPUTERA-INDIA AKAN DITUBUHKAN

IPOH, 15 Nov (Bernama) -- Beberapa syarikat usahasama antara Bumiputera dan India akan ditubuhkan bagi merebut satu projek penswastaan kerajaan bernilai berjuta-juta ringgit, kata Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S. Samy Vellu petang ini.

Menurutnya, kertas cadangan projek itu akan dikemukakan tidak lama lagi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sebelum ini pernah menyarankan syarikat kedua-dua kaum itu mengadakan usahasama bagi merebut peluang-peluang ekonomi.

"Kita sudah mengenalpasti projek besar itu dan sudahpun berbincang mengenainya dengan Dr Mahathir dan kini hanya menyiapkan kertas cadangan", katanya kepada pemberita selepas berdialog dengan ahli perniagaan India anjuran MIC Perak di sini.

Samy yang enggan menyatakan projek besar itu yakin kerajaan akan memberikan projek berkenaan kepada ahli perniagaan syarikat usahasama itu.

Menurutnya, beliau akan mengadakan perjumpaan dengan Persatuan Kontraktor India Malaysia (PKIM) Isnin ini dan akan diikuti dengan perjumpaan bersama secara serentak dengan Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia dan PKIM pada tarikh yang belum di tetapkan lagi.

Perjumpaan itu akan membincangkan mengenai mewujudkan kerjasama antara syarikat kedua-dua kaum itu bagi merebut tender-tender projek kerajaan pada masa depan bagi mempertingkatkan penglibatan kedua-dua kaum itu dalam aktiviti ekonomi negara ini, katanya.

Menurut Samy, kerajaan telah memberi banyak peluang kepada kedua-dua kaum itu tetapi ia tidak dapat direbut sepenuhnya kerana masalah modal dan kepakaran.

Beliau juga berkata, masalah kontraktor Bumiputera besar yang mendapat kontrak tetapi enggan membahagi-bahagikannya kepada kontraktor kecil, sudah dirujuk kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Samy berkata, di peringkat Kementerian Kerja Raya, sebuah jawatankuasa sudah ditubuhkan bagi memastikan sekurang-kurangnya 30 peratus projek kementerian itu diperuntukan kepada kontraktor kecil Bumiputera yang berjumlah seramai 10,400 orang.

Mengenai dialog hari ini, Samy berkata ia serba sedikit telah berjaya menyelesaikan masalah yang dihadapi ahli perniagaan kaum India yang kebanyakannya menjalankan urusan niaga warisan keluarga.

Menurutnya, kaum India kini hanya memiliki 1.25 peratus atau 2,500 ribu juta pegangan ekuiti ekonomi negara.

Sehubungan itu beliau akan meminta kerajaan memperuntukan kuota kepada kaum India bagi projek-projek penswastaan baru sebagai tambahan kepada peruntukan yang diberikan sebelum ini, seperti ekuiti dalam TV3 dan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC).

Pada majlis itu, seorang ahli perniagaan meminta Kementerian Kerjaraya menganjurkan kursus asas kontraktor kepada kontraktor India yang baru menceburi bidang itu kerana 70 peratus daripada mereka tidak mengetahui cara mengisi borang tender.

Samy berkata, beliau akan mengarahkan kementeriannya menganjur kursus berkenaan di setiap negeri sebagaimana yang dianjurkan oleh MARA bagi kontraktor bumiputera Kelas F. -- BERNAMA,

LAT WAT